



EON Inspirasi
Edisi Dr. Nor'aishah Abu Shah

Rahsia Lebah
Sains vs Alquran

Warisan Semulajadi Geologi
Hubungan dengan Flora dan Fauna

Basic Navigation in Forest
Tips and tricks

ISSN 2773-5869



9 772773 586005

Monyet Proboscis

Nama saintifik: *Nasalis larvatus*

Nama tempatan: Monyet Belanda

Diet: Omnivor

Kelas: Mamalia

Saiz: maksimum 28 inci tinggi

Berat: lebih kurang 10 kg (betina) dan 25 kg (jantan)

Status senarai merah IUCN: Terancam iaitu sangat berisiko tinggi pupus

Populasi: semakin berkurang

Monyet Proboscis merupakan salah satu monyet yang kelihatan paling luar biasa di dunia. Monyet ini berwarna jingga kemerah-merahan dinamakan sempena hidungnya yang besar. Lazimnya, Proboscis jantan mempunyai saiz hidung yang lebih besar dari Proboscis betina dan tumbesaran hidung bergantung kepada usianya. Monyet Proboscis hanya terdapat di pulau Borneo di Asia Tenggara iaitu Malaysia, Brunei dan Indonesia. Habitat monyet proboscis ialah di hutan sungai, hutan paya bakau dan paya gambut. Monyet ini banyak menghabiskan masa di atas pokok dan jarang turun ke tanah kecuali untuk mencari makanan. Monyet proboscis makan daun, buah, bijian dan kadangkala serangga. Mereka mempunyai perut yang besar dan bersegmen yang mengandungi bakteria untuk memecahkan makanan. Di Malaysia, spesis ini boleh dijumpai di Labuk Bay Proboscis Monkey Sanctuary dan Sungai Kinabatangan, Sabah, manakala di Sarawak spesis ini dipelihara dari kepupusan di Taman Negara Bako dan Taman Negara Wetlands Kuching.

Gambar oleh:

ChM. Nurul' Ain Jamion (UiTMCNS, Kampus Kuala Pilah)

Hajah Ts. Dr. Ratna Zuarni Ramli (UiTMCNS, Kampus Seremban)

Labuk Bay Proboscis Monkey Sanctuary, Sandakan, Sabah.

